


PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 31 RABU 5 OGOS 1970 1390 رابو 3 جمادي الاخير PERCHUMA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sedang di-alu2kan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair di-lapangan terbang Berakas sambil di-perhatikan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof (di-sebelah kanan).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan rombongan telah berangkat pulang katanah ayer pada hari Sabtu lepas, sa-telah berada di-London selama dua minggu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei juga berangkat ka-lapangan terbang untuk mengalu2kan keberangkatan ayahnda baginda dan rombongan itu.

Perpustakaan Bergerak DBP mulakan perkhidmatan

BANDAR BRUNEI.—Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lama lagi akan mengadakan perkhidmatan Perpustakaan Bergerak bagi penduduk2 di-Sengkuring dan Tutong.

Pesuruhjaya Kebajikan Masyarakat Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Masri akan merasmikan perkhidmatan perpustakaan di-Sengkuring pada 8 Ogos, pada pukul 8.30 pagi. Perpustakaan Bergerak itu kemudian-nya membuat lawatan ka-kampung itu pada tiap2 hari Sabtu dari pukul 8.30 hingga pukul 11.30 pagi.

Lawatan Perpustakaan Bergerak ka-Tutong di-jadualkan pada 15 Ogos dan ini akan dirasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh pada pukul 9.00 pagi. Lawatan ka-Tutong juga di-lakukan pada tiap2 hari Sabtu, tetapi masa-nya dari pukul 1.00 hingga 3.00 petang.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri berkata, melalui perpustakaan itu sa-bahagian besar buku dan bahan2 rujukkan dapat dibawa, untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat

(LIHAT MUKA 8)

Pertunjokari pancharagam

BANDAR BRUNEI.—Pasokan pancharagam Pulis Di-Raja Brunei di-bawah arahan Awang G. R. Crowhurst telah menunjukkan permainan-nya di-padang besar Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah hadir untuk mewakili Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam upacara tersebut.

Turut juga menyaksikan pertunjokari itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Menteri Besar, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bondahara, Yang Amat Mulia Cheteria2 serta pegawai2 kerajaan.

Pulang dari kursus

BANDAR BRUNEI.—Dua orang pegawai pulis Di-Raja Brunei telah pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin lepas sa-telah menjalani satu kursus singkat chawangan khas di-United Kingdom.

Mereka ia-lah Pemangku Pengusaha Pulis Awang Mohammad bin Momin dan ASP Awang Alias bin Ahmad.

MENTERI BESAR, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, sa-bagai ketua pasokan Duli2 Wazir dan Cheteria2 sedang menerima piala yang di - kurniakan oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Adair.

Pasokan Duli2 Wazir dan

Cheteria2 telah mengalahkan pasokan Pehin2 dan Manteri2 dengan 5 gol berbalas 1 dalam perlawanan bola sepak yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada minggu lepas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan adalah di-antara lebih dari 3,000 orang penuntun yang menyaksikan perlawanan tersebut.



KESELAMATAN JALAN RAYA

(SIRI TERAKHIR)

Jurang ini akan bertukar bentok dengan ada-nya faktor2 dari luar seperti memandu di-waktu malam, memandu di-bawah lampu, kekurangan cahaya lampu di-hadapan atau dari kenderaan2 yang datang dari hadapan. Dalam keadaan2 yang sedemikian, kuasa penangkapan panchaindera sa-saorang pemandu di-tuntut mengatasi perubahan2 ini dari perengkat biasa oleh satu naluri perasaan. Hasil dari perbuatan ini selalu-nya di-sebut sebagai jurang perbezaan. Bagi mengurangkan jurang perbezaan ini, mentaati peraturan2 dan kawalan2 yang biasa di-lakukan ka-atas kenderaan2 bermotor sa-bagai dasar pelaksanaan undang2 oleh Polis adalah boleh di-lakukan dan juga berkaitan dengan sebarang langkah keselamatan jalan raya, dan akan berkesan dalam membantu pemandu2 untuk mengangalkan dengan betul keadaan2 supaya keadaan yang di-duga-nya akan menyamai dengan keadaan yang sebenarnya.

(b) **Membuat keputusan.** Pemandu sa-telah memilih maalamat yang berkaitan bagi membuat keputusan, tindakan selanjut-nya bergantung kepada kebolehan pemandu menyelaraskan maalamat ini dengan pengalaman2-nya di-masa lalu ia-itu undang2 dan peraturan lalu lintas yang ia biasa, sikap dan kebiasaan bagi pelaksanaan undang2 dan peraturan ini, pendidekan-nya mengenai memandu kereta dan sebarang ranchangan propaganda yang berkaitan dengan penggunaan jalan raya dan keselamatan-nya yang telah di-terima-nya.

Malang-nya pemandu2 tidak mendasarkan keputusan2-nya ka-atas perhitungan yang wajar mengenai faktor2 yang silam. Sa-tengah-nya bertindak dengan keperchayaan (tidak berasas) bahawa mereka sendiri tidak akan terchedera. Sa-tengah-nya pula bertindak dengan menduga bahawa lain2 pengguna jalan raya akan beralah. Lagi sa-jumlah besar dari pemandu2 suka mengeneipenik pengetahuan atau pengalaman yang silam mengenai kebaikan kenderaan mereka dan pelaksanaan undang2 lalu lintas yang di-ambil terhadap mereka dulu.

(c) **Kawalan ka-atas kenderaan.** Sebarang keputusan yang di-ambil oleh pemandu mestilah di-perpanjangkan kepada kenderaan yang di-pandu-nya dan kepada pengguna2 jalan raya. Tamat-nya tugas ini boleh-lah di-sifatkan sebagai wajar dan dapat di-terima, kechuali ada pengaruh luar mengganggu dari masa membuat keputusan dan memperpanjangkan-nya kepada kawalan ka-atas kereta yang di-pandu-nya. Berkenaan perkara ini, kawalan yang betul menjadi satu

kecekapan yang boleh di-samakan dengan jenis2 di-bawah kenyataan2 yang di-nyatakan dulu.

Semasa belajar kecekapan memandu, pelbagai kejayaan tambahan ada-lah di-perlukan dan ini termasuk kecekapan menerima dan mengingati keterangan2, kecekapan dalam membuat keputusan dan kecekapan mengguna dan mengawal kenderaan.

Kecekapan2 ini di-dapati menerusi pengalaman dan disertai dengan lain2 tambahan seperti dapat mengagak dengan baik tentang keselamatan memotong kereta dan jarak di-antara kereta yang hendak di-potong dan kereta dari hadapan, pengetahuan tentang menekan minyak sa-chara selamat dan berapa jaoh kereta sendiri akan berhenti, dan pengetahuan tentang undang2 dan peraturan lalu lintas serta pelaksanaan-nya.

Dengan pengalaman2 yang terkumpul ini, pemandu telah mencapai satu perasaan puas hati dalam tugas memandu sa-chara selamat, dan seterusnya peluang terlibat dalam kemalangan adalah berkurang. Bakti biasa sebagai reaksi terhadap kejayaan ini dapat diketahui dari Policy Insurance Kereja ia-itu satu rekod yang sentiasa bersehad dari terlibat dalam kemalangan dan ini ternyata dari jumlah wang premium yang di-bayar oleh pemandu. Sebalik-nya pemandu yang lemah atau tidak baik di-hukum dengan di-tarek faedah2 yang di-berikan kerana tiada membuat tuntutan insurance, di-naikan wang premium-nya serta juga sharat2 hukuman di-tambah lagi dan lain2-nya.

Dari segi pelaksanaan undang2 keselamatan jalan raya, adalah perkara biasa menemui sa-tengah2 pemandu mengulangi kesalahan2 ia-itu menghadapi tuduhan kerana melakukan kesalahan yang sama dari satu masa kasemasa. Orang2 salah begini-lah yang akhir-nya akan terlibat dalam proses pelaksanaan undang2, dengan lesen memandu-nya di-batalkan atau sekatan2 di-kenakan ka-atas-nya.

Terdapat dalam kumpulan pemandu2 seperti ini, sa-orang pemandu yang sungguh pun tidak ter-taklok kepada dakwaan undang2, tetapi ia-nya kekurangan dalam akal fikiran. Ada-lah merupakan satu kelemahan kepada-nya kerana tidak berjaya menilai dengan baik keadaan jalan raya hingga kepada kebolehan menduga atau mengagak tentang kemungkinan berlaku kemalangan atau dengan sa-chara berkesan mengurangkan bahaya atau kemalangan kepada lain2 pemandu.

Pemandu sebagai sa-orang anggota masyarakat. Sebagai sa-orang anggota masyarakat, pemandu boleh merupakan sa-orang terpelajar yang baik atau sebalik-nya ia-itu bergantung kepada darjah pendidekan yang terdapat di-negeri itu atau pun di-sekolah2 prebet. Ia boleh merupa-

kan sa-orang yang kaya atau miskin-nya mengikut keadaan pekerjaan-nya yang berhubung dengan keadaan alam sekeliling-nya atau suka beralah atau berkeras mengikut unsur2 keturunan-nya atau keadaan pendidekan di-rumah tang-nya.

Ternyata sekali bahawa satu darjah pendidekan yang tinggi dapat memberikan kuasa pengingatan yang lebeh mudah menerima dan menyimpan, bagi maalamat2 yang berkenaan dengan memandu kenderaan di-atas jalan raya dan yang demikian membolehkan dengan baik menilai semua faktor2 dan keadaan semasa satu keputusan hendak di-buat ketika memandu.

Kejayaan atau taraf sa-saorang dalam masyarakat yang berkaitan dengan pekerjaan-nya atau kedudukan-nya, dapat memberikan kepada sa-orang pemandu mempunyai atau memandu sa-buah kereta atau lebeh, dan, sebalik-nya pula, mempunyai sa-buah motokar yang tidak begitu baik keadaan-nya dari segi mekanikal atau oleh sebab kekurangan wang, penjagaan dan pemeliharaan yang baik ka-atas-nya tidak dapat di-teruskan.

Unsur2 tabiat keturunan keluarga bersama dengan kebolehan berfikir pemandu2 serta di-tambah dengan saikoloji, dapat membayangkan sa-chara banyak, tentang kelakuan yang di-harapkan semasa memandu kenderaan di-jalan raya kerajaan di-kalangan masyarakat-nya.

Dari segi pelaksanaan Undang2 Jalan Raya Polis, kelakuan ini boleh di-perbaiki atau di-salurkan ka-dalam bahagian memelihara kenderaan dan dalam pelaksanaan keselamatan jalan raya.

Jika dalam masyarakat itu, undang2 yang akan di-laksanakan merupakan sesuai dan dapat di-laksanakan kepada keseluruhan masyarakat itu, maka kebanyakan dari pemandu2 sebagai anggota masyarakat itu, akan menerima pelaksanaan undang2 yang munasabah sebagai sa-bahagian dari kemajuan dan kebaikan masyarakat itu.

Bagaimana pun reaksi saikoloji pemandu terhadap keadaan atau kedudukan lalu lintas dan ranchangan2 pelaksanaan undang2, merupakan satu perkara yang memerlukan pengkajian perubahan daripada penyelesaian mudah yang di-gunakan sehari2 dalam perhubungan polis/orang ramai. Tindakan polis dalam pelaksanaan undang2 keselamatan jalan raya terpaksa melayan semua rayat jelata sama rata dan bukan-lah bagi pehak pegawai ronda lalu lintas menchari sebab2 bagi timbul-nya perbuatan2 memandu sa-chara kasar, dan pegawai lalu lintas bersyukur bahawa dalam kebanyakan masa fikiran waras dan adab di-jalan raya menjadikan tugas-nya lebeh mudah.

Harus pemandu yang bersifat kasar tidak akan mengubah sikap-nya menjadi sa-orang pemandu yang berbahasa dan bertimbang rasa walau pun di-sebarkan penerangan2 dan di-sertai dengan pelaksanaan undang2, tetapi bagaimana pun dengan di-teruskan pelaksanaan undang2 itu, maka tidak dapat tiada akan menimbulkan kesedaran terhadap akibat2 dari melanggar undang2. Angka2 yang menunjukkan bertambah-nya jumlah laporan2 atau aduan2 yang di-

terima oleh Polis Brunei dalam ranchangan pelaksanaan itu adalah di-nyatakan bagi perbandingan dengan jumlah kereta yang di-gunakan di-jalan2 raya dan juga mutu ranchangan pelaksanaan kuat kuasa undang2 yang berjalan di-Brunei.

Ujian dan pepereksaan semula sebagai satu langkah pelaksanaan bagi pengurangan risiko kemalangan hendak-lah di-jalankan bagi kepentingan orang2 yang menggunakan jalan raya.

Pada permulaan kenyataan ini telah di-tegaskan bahawa satu daripada sebab2 yang mendatangkan kebimbangan bagi menjalankan ranchangan pelaksanaan keselamatan jalan raya ia-lah pengabaian terhadap peraturan2 had laju yang mengenai jalan2 raya dan kereta. Dalam kandungan kenyataan keseluruhan-nya di-chuba juga menerangkan lain2 keadaan tentang memandu kereta sachara tidak baik dan tidak cukup pengawasan di-jalan raya dan akibat yang terbit daripada-nya menyebabkan kemalangan2 yang telah di-huraikan. Setakat ini patut-lah di-timbangkan terhadap kelajuan yang menambahkan kemungkinan berlakunya kemalangan2 dengan tujuan mengambil keputusan2 yang tegas atas dasar untuk masa hadapan bagi mengadakan sekatan2 kelajuan sebagai sebahagian dari pelaksanaan keselamatan jalan raya.

Had2 laju yang di-kenakan di-negeri Brunei adalah mengenai bandar2 besar dan jalan2 raya besar. Sekatan kelajuan 30 b. s. j. di-kawasan2 ramai penduduk, dari pengalaman2 yang lalu di-negeri2 jiran dan di-Brunei telah memberikan kesan dalam pengurangan jumlah pemandu2 yang mungkin melebehi sebarang had laju yang di-tetapkan kepada satu jumlah dapat di-kawal berhubung dengan jumlah kereta2 yang di-daftarkan.

Ranchangan2 pelaksanaan yang di-jalankan dari semasa ka-semasa dengan tetap ada-lah memberi kesan bagi mematuhi sa-chara sukarrela terhadap undang2. Bagi mematuhi sa-chara sukarrela akan undang2 kelajuan ada-lah berkehendakan proses undang2 dan dengan unsur2 bahaya di-masokkan juga dalam kesalahan ini, peluang selesai di-luar mahkamah tidak di-benarkan — penyelesaian diluar mahkamah di-sini berarti menawarkan penyelesaian sa-chara denda atas kesalahan itu.

Maka ada-lah di-sedari bahawa sa-golongan besar pemandu2 tidak menyekat kelajuan mereka kepada had2 yang telah di-tetapkan oleh undang2 atau pun kepada had2 yang di-buat sendiri sa-chara wajar. Bakti berkenaan perkara ini sa-lepas satu2 kemalangan ada-lah sukar di-dapati tetapi tidak pula mustahil. Dengan ada-nya peta2 dan kiraan2 sah tentang panjang-nya tanda2 tergelinchar dan di-bandingkan dengan anggaran kelajuan, maka pendakwaan yang memuakkan hati boleh di-dapati. Malang-nya pula mengenai perkara ini ia-lah kebanyakan kejadian yang memerlukan perbandingan yang demikian telah mengakibatkan kemalangan2 yang membawa maut atau chedera parah.

Mangsa2 kemalangan akibat dari tidak menghiraukan had kelajuan dalam kebanyakan perkara ada-lah orang2 yang tiada mempunyai perlindungan. Pemandu sa-buah kenderaan bermotor mempunyai kebeban kerana di-keilingi di-empat bahagian oleh satu perisai yang merupakan badan kenderaan itu. Tetapi tidak sedemikian bagi orang2 berjalan kaki, penonggang2 basikal dan motosikal. Untung nasib mereka tergantung kepada ragam pemandu itu.

Boleh-lah di-ambil kesimpulan bahawa bagi melaksanakan had (LIHAT MUKA 6)

PERBUATAN dan tingkah laku manusia sa-hari2, kadang2 tidak dapat di-kawal oleh undang2 atau peratoran biasa yang di-buat oleh manusia kerana undang2 atau peratoran2 itu di-jaga atau di-awasi oleh pihak2 yang berkenaan. Jika sa-kira-nya orang atau orang2 yang mengawasi itu tidak di-lihat-nya, maka orang yang chuba melanggar peratoran itu tidak akan berasa takut atau merasa apa2 membuat kesalahan itu.

Di-dalam perkara saperti ini, maka sa-patut-nya kita sabagai orang Islam hendak-nyalah berpegang tegoh dengan keimanan atau keperchayaan kita kepada perkara yang tidak dapat kita lihat dengan mata kasar, sama ada perkara2 itu melanggar peratoran masharakat atau peratoran ugama Islam, kerana sekali pun tidak di-lihat oleh sa-siapa, sa-balek-nya Allah melihat dan mengetahui, di-samping itu patut-lah kita amalkan sifat malu yang menjadikan satu benteng penyakit kepada kejahatan.

Sifat malu ini tidak-lah patut di-gunakan di-tempat yang tidak munasabah, kerana jika di-salah gunakan dia akan menjadikan kerugian juga kepada orang itu sendiri. Apa yang di-maksudkan malu ialah, malu membuat apa2 juga kesalahan yang melawan un-

Manusia kadang2 tidak dapat di-kawal oleh undang2

KHUTBAH JUMA'AT

dang2 atau melawan titah perintah Allah, kerana kita malu apabila di-ketahui orang dan di-hadapkan kehadiran pengadilan, Malu membuat segala perkara yang di-larang Allah, kerana Allah sentiasa melihat.

Oleh itu sifat malu ada-lah di-katakan sa-bagai benteng. Dan Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Apabila Allah mengkehendaki sa-seorang itu binasa, di-ambil-nya sifat malu daripada-nya".

Dan di-dalam hadith yang lain pula baginda bersabda:

"Jika engkau tidak ada mempunyai perasaan malu, buat-lah apa yang engkau sukai".

Kedua2 hadith ini dapat kita fahamkan bahawa madu itu

ada-lah suatu batu penghalang demi membuat kejahatan atau membinasakan orang itu sama ada nama baik-nya atau batang tuboh-nya sendiri dan sa-um-pama-nya.

Dan maksud hadith ia-itu buat-lah apa yang engkau suka, itu bukan-lah berarti Rasulullah allah menyuruh membuat dengan benar2, tetapi ada-lah suatu amaran yang mana perbuatan itu akan mendatangkan bencana atau kejahatan kapada-nya. Perkara ini telah banyak kita lihat dengan mata atau mendengar khabar dengan kenyataan2-nya. Oleh itu patut-lah tiap2 orang Islam beringat dan sentiasa mengingat saudara mara supaya bersifat malu pada tempat-nya, kerana malu bukan pada tempat-nya saperti malu belajar kerana sudah dewasa sedangkan chuchu sudah ramai, maka kita membuat amalan sa-hari2 dengan mengikut2 sahaja, dan akhirnya amalan itu tidak betul. Dan jika amalan tidak betul, sa-olah2 kita kita mengerjakan amalan itu. Apa yang patut di-malukan orang saperti ini ialah malu tidak tahu umur sudah dewasa, sebab itu kita mesti belajar, bukan malu hendak belajar.

Apa yang di-takutkan yang akan terjadi ia-lah apabila penduduk2 atau penghuni2 muka

bumi ini telah membuat dan melakukan maksiat dengan mahraja lela dengan tidak mempunyai malu lagi. Di-sana sini orang berniaga dengan kerja maksiat. Inj ada-di-sebutkan oleh Allah di-dalam Al-Quran surah Ar-rum ayat 41 yang bermaksud:

"Telah datang kebinasaan dan malapetaka di-atas bumi dan di-dalam kampung, bandar dan negeri supaya Allah merasakan kapada mereka itu kebinasaan itu sama ada pada nyawa, harta benda, ternakan atau tanam2an mereka, balasan dari apa yang mereka lakukan kejahatan itu. Muga2 orang2 itu berhenti daripada membuat maksiat dan kembali kejalan Allah".

Dan di-dalam sa-buah hadith yang lain daripada ulama Al-Bokhari bahawa sa-seorang sahabat bertanya kapada Rasulullah s.a.w.

"Ada-lah kami binasa ya Rasulullah, pada hal ada di-sisi kami orang2 yang sa-lih".

Sabda Rasulullah s.a.w.: **"Ya, apabila telah banyak di-lakukan dosa maksiat",** atau saperti sabda-nya.

Di-dalam zaman yang serba maju ini dan semua perkara kita mahu senang dan baik, jangan-lah sampai ugama dan hukum Allah juga kita permudah2kan, kerana sa-bagaimana amaran dan ingatan yang diberikan oleh Allah dan rasul-nya itu akan berlaku dengan kehendak Allah.

Dari itu untuk menjauhkan bala saperti itu tidak-lah dapat tiap2 orang melepaskan diri masing2, sekali pun dia ta'at, bahkan keseluruhan umat Islam atau penduduk kampung atau negeri itu, hendak-lah menjauhkan daripada perkara2 yang di-murkai oleh Allah dan bersama2 menchegeh supaya perkara2 maksiat itu tidak di-lakukan. Moga2 kita dan negeri kita selamat daripada segala mala petaka dan bala daripada Allah.

Peraduan membacha Al-Quran perengkat Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Peraduan membacha kitab suci Al-Quran bagi orang2 dewasa di-Daerah Belait akan di-adakan pada 12 September di-padang besar Kuala Belait.

Peraduan ini ada-lah terbuka kapada raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan. Peserta lelaki mesti-lah berumur 16 tahun ka-atas dan peserta perempuan hendak-lah berumur 15 tahun ka-atas.

Sa-belum peraduan perengkat Daerah di-jalankan satu pemilihan bagi kawasan2 Belait Satu dan Dua akan di-adakan.

Kawasan Belait Satu adalah meliputi Pekan Belait, Sungai Teraban dan Kuala Balai, sementara kawasan Belait Dua meliputi Pekan Seria, Sungai Liang, Bukit Sawat, Labi dan Rampayoh.

Enam orang peserta lelaki dan enam orang peserta perempuan dari kawasan2 pemilihan itu akan bertanding untuk memilih dua orang peserta lelaki; dan dua orang peserta perempuan untuk mewakili Daerah Belait ka-peraduan perengkat negeri yang di-jadualkan akan di-adakan dalam bu-

lan Oktober.

Orang2 yang ingin memasoki peraduan iu boleh-lah berbuhong dengan Awang Imam Zainal bin Idris, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan Awang Masri bin Abon, di-alamat Pejabat Kewangan Sharikat Minyak Shell, Seria.

Bekalan letrik

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Letrik telah meluaskan bekalan letrik ka-Kampung Pelambayan di-Daerah Brunei Muara.

Sa-orang juruchakap bagi jabatan itu berkata, bekalan letrik di-berikan buat pertama kali-nya dalam minggu ini kapada rumah2 di-sepanjang jalan berikutan siap-nya kerja tambahan yang di-jalankan oleh jabatan itu.

Jabatan itu juga telah menyiapkan kerja mendirikan tiang2 letrik di-sepanjang Jalan Kota Batu dari Kampung Pelambayan ka-Dato Gandhi.

Ia-nya di-jadualkan akan membekalkan letrik ka-rumah2 di-sepanjang jalan di-kawasan Dato Gandhi dalam masa satu atau dua bulan lagi.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Ogos 1970 hingga ka-hari Selasa 11 Ogos 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
6 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
7 Ogos		12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
8 Ogos		12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
9 Ogos		12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
10 Ogos		12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16
11 Ogos		12-29	3-37	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



5hb. Ogos, 1970.

IDENTITI NEGARA MELALUI SENI

KETIKA merasmikan pameran seni lukis baru2 ini, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menyeru pelukis2 tempatan supaya mencipta karya2 yang berasaskan identiti Brunei Darussalam yang sebenar-nya.

"Pada mengukirkan sentimen2, perasaan dan impressi hendaklah sentiasa mengasaskan kepada identiti negara di samping mempersambungkan dengan kemajuan2 sains dan teknologi."

Beliau berkata bahawa sentimen2, expressi2 dan perasaan2 yang terukir itu akan di-sifatkan sa-bagai rekod kejadian pada masa ia-nya di-buat dan bakal menjadi bahan ukuran oleh jenerasi2 yang akan datang mengenai Brunei Darussalam pada zaman kita ini.

Beliau penoh yakin akan sikap pelukis2 tempatan yang mereka itu tidak akan tergelincir daripada garis2 yang di-maksudkan oleh negara dan tidak akan membentok sa-suatu tanpa berdasarkan keadaan yang terdapat di-Brunei.

Awal bulan Jun lalu, ketika merasmikan mashuarat agong PERWIRA, Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara telah me-nyuarakan nada yang sama, tetapi mengenai dengan karya2 penulis2 di-negeri ini.

Dari sini, maka sudah semakin jelas akan kedudukan betapa kerajaan menumpukan perhatian terhadap karya2 seni dan betapa penghargaan yang tinggi di-berikan kepada seni-man2 tempatan untuk berganding bahu pada menghidangkan kepada masyarakat luar dan dalam negeri melalui karya2 seni akan keadaan negeri kita yang sebenar-nya, khas-nya dalam bidang2 pembangunan.

Kita percaya bahawa pada mendzahirkan hujjah2 yang demikian bukan-lah bermaksud sa-bagai satu sekatan yang sa-chara tidak langsung terhadap karya2 seni-man2 tempatan dalam berbagai2 bidang seni yang semakin tumbuh meluas sekarang ini. Sa-bagai sa-orang seni-man khusus-nya sa-orang penyaer, maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada-lah cukup menyedari atas soal2 kebebasan mencipta.

Apa yang kita faham akan maksud hujjah2 beliau dan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu ada-lah di-terbitkan dari satu keinginan yang mendalam supaya seni-man2 Brunei2, sama ada pelukis, penyaer, cherpenis dramatis, nobelis atau ahli2 pertukangan tangan ada-lah raayat yang sentiasa menyimpan rasa sedar untuk membantu mengetengahkan negara mereka ka-mata dunia dengan melalui penciptaan2 yang jelas dan benar2 ada dan hidup di-negeri ini atau berdasarkan kepada yang nyata, tetapi bukan dengan rekaan2 yang bahaya-nya dapat melunturkan imej negara, bangsa dan ugama.

Bukan-lah berarti bahawa kebebasan mencipta itu di-gunakan dengan sa-winang2-nya tanpa penyertaan fikiran yang cukup dingin dan penoh pertimbangan, khas-nya bersangkut paut dengan soal2 agama, bangsa dan negara.



Pengakap2 Brunei di-Melaka

AYER KEROH, MELAKA. Jambori Malaysia Kedua telah di-adakan selama sa-minggu mulai 29 Julai lepas di-Ayer Keroh, kira2 sembilan batu dari Bandar Melaka.

Jambori tersebut telah di-rasmikan oleh Tuan Yang Terutama Gabnor Melaka, Tun Haji Abdul Malik bin Yusof.

Lebih dari 2,500 orang pengakap dari 13 buah negara termasuk Brunei telah menghadiri jambori tersebut.

Ini ada-lah kedua kali-nya

Brunei di-wakili dalam jambori kebangsaan Malaysia.

Dalam tahun 1966, sa-ramai 19 orang guru2 pengakap dan pengakap juga telah menghadiri jambori pengakap Malaysia yang pertama di-Pulau Pinang.

Gambar atas menunjukkan rombongan pengakap yang di-ketuai oleh Awang Mohammad Said Ismail (berdiri no 3 dari kiri) ketika tiba di-Melaka.

Perlumbaan

go-kart yang

pertama di-Tutong

TUTONG. — Kelab Moto Di-Raja Brunei telah mengadakan perlumbaan go-kart di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Pekan Tutong pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi daerah itu.

Sa-banyak tiga acara perlumbaan ia-itu 20 pusingan, 40 pusingan dan 10 pusingan bahagian perempuan telah di-adakan.

Keputusan2 perlumbaan ada-lah seperti berikut:

Perlumbaan 40 pusingan: Pertama Eric Vennel; kedua — Kani bin Mohammed Said; ketiga — Kapitan Ray dan ke-empat-Zainuddin bin Dato Marsal.

Perlumbaan 20 pusingan: Pertama — Eric Vennel; kedua — Zainuddin bin Dato Marsal; ketiga — Lt. Abdul Rahman Mustapha dan ke-empat Latif bin Wahid.

Perlumbaan 10 pusingan bagi perempuan: Pertama — Puan Jane Bushlinger; kedua — Puan Ray dan ketiga Dayang Amy Foo.

Awang Eric Vennel juga telah menerima hadiah khas.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.



Gambar atas: Puan Jane Bushlinger sedang menerima hadiah dari Pengiran Othman sementara gambar bawah: perlumbaan 20 pusingan sedang di-jalankan.



PESTA RIA IBB DI-PUSAT BELIA

BANDAR BRUNEI.—Persatuan Ikatan Belia Berakas akan mengadakan Pesta Ria di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada 9 Ogos untuk mengutip derma bagi tabong persatuan itu.

Di-antara acara2 yang akan di-adakan ia-lah badminton, sepak Takraw, silat kuntau dan pingpong.

Makanan dan minuman serta jualan murah juga akan di-adakan pada hari itu.

Pada malam-nya akan diadakan Pementasan derama purba, tarian, nyanyian, lawak jenaka dan peraduan baju kurong feshen lama dan baru juga akan di-adakan.

Borang2 pendaftaran bagi masuk pertandingan baju kurong boleh di-dapati dari Awangku Yahya bin Pengiran Hashim di-Kampung Anggerek Desa dan Awang Mohamed Daud bin Haji Timbang di-Jabatan Meseum, Bandar Brunei.

Penyemboran DDT

BANDAR BRUNEI.—Kakitangan Projek Penghapus Malaria akan menjalankan penyemboran ubat DDT ka-rumah2 yang belum di-semor di-empat buah kampung di-Daerah Belait dan dua buah kampung di-Daerah Brunei Muara.

Rombongan itu akan menyemor rumah2 di-Kampung Sungai Liang dari 4 hingga 8 Ogos, Kampung Lumut dari 10 hingga 13 Ogos, Kampung Sungai Teraban 15 hingga 19 Ogos dan Kampung Sungai Teraban "A" pada 20 Ogos.

Mereka akan melawat dua buah kampung di-Daerah Brunei Muara pada 20 Ogos apabila mereka akan menyemborkan rumah2 di-Kampung Bukit Bunga, dan Kampung Peninjau dari 25 Ogos hingga 27 Ogos.

Pihak berkuasa Projek Penghapus Malaria menganggarkan bahawa 1,255 litre ubat DDT akan di-gunakan untuk menyemor empat ratus lima buah rumah, pondok2 dan lain2 binaan di-enam buah kampung itu.

Peraduan menulis derama anjoran ASTERWANI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan ASTERWANI akan menganjorkan peraduan menulis skrip derama dalam bulan ini.

Peraduan ini ada-lah terbuka kepada rakyat Brunei. Ia-nya akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu derama yang berchorak moden dan derama purba.

Derama moden hendak-lah di-tulis dalam satu babak sementara derama purba pula hendak-lah di-tulis dalam dua atau tiga babak (kira2 mengambil masa 45 minit jika di-pentaskan).

THEMA

Thema dalam kedua2 derama hendak-lah berchorak pembangunan atau budi pekerti yang berlatar belakangkan Negeri Brunei.

Tiap2 derama hendak-lah di-tulis dalam empat salinan dengan menggunakan taip langkau dua baris.

Tiga hadiah akan di-berikan dalam tiap2 bahagian. Hadiah pertama sa-banyak \$100.00 kedua \$75.00 dan ketiga \$50.00.

Jika sekira-nya para hakim mendapati tidak ada skrip yang

layak menerima hadiah pertama, maka hadiah kedua akan di-keluarkan.

Salah sa-buah skrip yang berjaya ia-itu sa-buah derama moden dan sa-buah derama purba akan di-pentaskan dalam bulan Oktober hadapan.

SHARAT2

Peserta2 dalam peraduan ini hendak-lah mematohi segala syarat2 tersebut dan keputusan hakim ada-lah muktamad.

Segala skrip derama hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha ASTERWANI, Awang Leman bin Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei tidak lewat dari 31 Ogos ini.



Gambar atas menunjukkan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh sedang menyampaikan piala kepada pemenang dalam perlumbaan bahagian jarak jauh. Sementara gambar bawah menunjukkan ketika perlumbaan jarak jauh sedang di-jalankan.



136 orang sertai perlumbaan basikal

TUTONG. — Sa-ramai 136 orang peserta termasuk 15 perempuan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal di-Daerah Tutong pada hari Juma'at lepas. Perlumbaan tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara kerana menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-daerah itu.

Perlumbaan itu di-bahagikan kepada dua, ia-itu jarak jauh bermula dari batu 13 Jalan Tutong ka-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Pekan Tutong sementara satu-nya lagi perlumbaan mengelilingi padang sekolah tersebut sa-banyak 20 pusingan bagi budak lelaki, 5 pusingan bagi peserta perempuan dan chara berganti2 yang hanya terbuka kepada persatuan2 belia di-daerah itu.

Keputusan-nya ia-lah bahagian jarak jauh dengan menggunakan basikal biasa, pertama Oslu Mohamed Noor, kedua Kudong Damit dan ketiga Onn Siew Hock. Basikal jenis sport, pertama Taib Juma'at kedua Haris Haji Wali dan ketiga Nikman Idris.

20 pusingan bagi budak lelaki, pertama Latif Mohamed Noor, kedua Abdul Rahman Seruddin dan ketiga Chok Chuan.

Lima pusingan bahagian perempuan, pertama Nuri Yakub, kedua Bidah Juma'at dan ketiga Juliah Mahmud.

Perlumbaan basikal berganti2: Pertama — Gerakkan Pakatan Pemuda Sukarela 'A', kedua — Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya dan ketiga — Persatuan Melayu Keriam.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh.

Pulang dari Jepun

BANDAR BRUNEI. — Rombongan perwakilan belia2 Negeri Brunei telah kembali katanah ayer pada hari Rabu lalu, sa-telah menghadiri Perkhemahan Belia Sedunia di-Osaka, negeri Jepun.

Rombongan perwakilan itu di-ketuai oleh Awang Ya'akub bin Ahmad, Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri.

Semasa berada di-Jepun, mereka telah mengambil bahagian dalam satu forum dan melawat2 ka-tempat2 yang menarik, selain dari mempersembahkan tarian dan lagu2 asli Brunei di-perjumpaan itu.

Belia2 dari seluroh dunia telah mengambil bahagian di-Perkhemahan Belia Expo-70 itu.

Pameran urusan rumah tangga di-Belaait

KUALA BELAIT. — Pameran urusan rumah tangga ia-itu sa-bahagian dari acara perayaan bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-Daerah Belait telah di-adakan di-Dewan Kemesarakatan, di-Kuala Belait pada hari Sabtu lepas.

Pameran yang di-anjorkan oleh Persatuan Kebajikan Wanita Daerah Belait itu ada-lah

di-bahagikan kepada empat bahagian, ia-itu sulam2an, gubahan bunga, masakan dan chara menggunakan kain sungket untuk membuat burung, buah2an dan binatang.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin Masnah binte Haji Mohamed Yusof, Isteri Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin.

Keputusan2 peraduan di-Daerah Tutong

TUTONG. — Peraduan2 Ratu Kebaya, Ratu Antara Bangsa, Pakaian Aneka Rupa dan Mr. Tutong telah di-adakan di-padang Bukit Bendera di-Pekan Tutong pada malam Selasa lepas sa-bagai sa-bahagian dari acara untuk merayakan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Tutong.

Sementara Isteri beliau Pengiran Siti Zubaidah telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan Ratu Kebaya dan Ratu Antara Bangsa.

Keputusan peraduan2 itu ia-lah seperti berikut:—

Ratu Kebaya — Pertama Dayang Zainon binte Mohamad, kedua Dayang Elsie Henou dan ketiga Dayang Rohana binte Manan.

Dalam peraduan Ratu Antara Bangsa Dayang Rohana binte Manan telah mendapat tempat pertama, kedua — Dayang Siti Hawa binte Hasbollah dan ketiga — Dayang S. Hanim.

Pakaian Anika Rupa — Pertama Awang Idris Bahrin, kedua Abdul Hamid bin Abu Bakar dan ketiga Awang Mas Abdul Rahman.

Peraduan Mr. Tutong telah di-menangi oleh Awang Deli bin Abdul Rahman, kedua Awang Tee Hock Seng dan ketiga Awang Tan Ting Seng.

PERADUAN "RATU KEPUTERAAN"

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan kerana memilih Ratu Keputeraan anjoran Persatuan Perkumpulan Perempuan Bandar Brunei, akan diadakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Brunei, pada 8 Ogos, mulai pukul 8.00 malam.

la-nya di-adakan, bersempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pemenang Ratu Keputeraan akan menerima hadiah tiket perchuma kapal terbang ulang alek dari Kota Kinabalu ka-Hongkong, hadiah daripada Sharikat Penerbangan Cathay Pacific.

Upacara kemahkotaan Ratu Keputeraan, akan di-lakukan oleh Pengiran Siti Mawardi binte Pengiran Anak Haji Ahmad, isteri Pegawai Daerah Brunei-Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Keselamatan jalan raya

(Dari Muka 2)

kelajuan, sa-kira-nya hendak memberi kesan, mesti-lah selalu di-laksanakan dengan tegas-nya.

Pengaksanaan dan lain2 tugas pulis.

Pelbagai undang2 dan peraturan jalan raya dan lalu lintas telah dibuat dari semasa ka-semasa di-Brunei dengan dasar asas-nya ialah untuk menambahkan keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan kepada semua jenis pengguna jalan raya dan mengadakan seberapa boleh, kelichinan perjalanan lalu lintas di-jalan2 raya.

Dari segi perhitangan, undang2 dan peraturan itu berperingkat dari dasar2 yang dapat di-gunakan di-mana2 sahaja kepada arahan2 atau keperluan tegas yang boleh hanya di-gunakan di-tempat2 tertentu dan pengguna2 jalan raya dari jenis tertentu. Yang terkemudian itu selalu-nya sukar hendak di-laksanakan daripada yang di-gunakan di-mana2 sahaja yang mana selalu-nya di-terima sebagai munasabah dan di-taati oleh kebanyakan rakyat.

Peraturan2 tegas ia-itu yang berhubung dengan had kelajuan, penarohan kereta dan perkara2 yang perlu pada kenderaan, selalu-nya terdapat kemungkinan tidak dipatohi dan dengan senhaja pula. Atas sebab2 ini-lah, maka ada-lah perlu untuk melaksanakan undang2 dengan keras-nya kerana sekali lagi di-nyatakan bahawa perkara2 ini ada-lah faktor2 yang memberikan keselamatan jalan raya pada umum-nya. Semasa memboktikan kesimpulan ini, maka ada-lah berguna untuk menyatakan kesalahan2 kerana memandu sa-chara merbahaya dan chuai. Perbezaan di-antara dua kesalahan ini tidak mudah di-dapati seperti yang boleh di-dapati di-antara memandu sa-chara merbahaya atau melebihi had kelajuan. Kedua2 kesalahan ini terdapat dalam banyak kejadian. Bagaimana pun bakti tentang melebihi had kelajuan ada-lah satu kenyataan fakta dan boleh di-nilai. Begitu juga dalam penilaian memandu sa-chara chuai dalam satu keadaan tertentu, boleh di-sifatkan tidak chuai atau selamat jika ujud keadaan yang lain.

Jenis kesalahan2 lalu lintas dan chara menyelesaikan-nya di-negeri ini ada-lah sama. Banyak kesalahan telah di-selesaikan dengan memberikan amaran2 lisan dan tulisan atau dengan tawaran dendaan pulis. Selain dari itu denda dan hukuman bagi kesalahan2 lalu lintas ada-lah di-kenakan oleh mahkamah2 magistrat dan termasuk membatalkan hak orang2 bersalah itu dari mendapat atau kehilangan dari berhak mempunyai lesen memandu bagi masa2 yang berbeza lama-nya. Orang2 yang di-hukum begini boleh meminta lesen sebelum tarikh akhir waktu pembatalan; dalam kebanyakan perkara 6 bulan sebelum tarikh yang di-kenakan itu tamat.

Berbagai chara telah di-gunakan untuk melaksanakan peraturan la-

lu lintas ini. Bagaimana pun tidak-lah dapat di-pilih sa-chara khas bahawa satu chara tertentu ada-lah sangat berjaya hingga boleh di-shorkan kepada lain2 badan perundangan atau keselamatan jalan raya. Bagaimana pun ada-lah munasabah untuk mendakwa bahawa dengan menggunakan pelbagai chara yang di-satukan dalam pelaksanaan undang2 di-negeri ini, keadaan dapat di-kekalkan. Kegagalan bagi menambahkan lagi pelaksanaan undang2, jika tidak di - gunakan, akan menimbulkan keadaan yang bertambah buruk dalam keselamatan jalan raya seperti hari ini.

Pada masa ini Pulis Brunei

Kamalan2 Lalu Lintas	1967	1968	1969
Kawasan2 Bandar	145	326	634
Kawasan2 Luar Bandar	379	345	231
JUMLAH	524	671	865

Kesalahan2 Memandu (Tindakan Mahkamah)

Menyebabkan kematian dengan Memandu	14	12	10
Buta-Tuli/Berbahaya	—	4	4
Memandu Buta-Tuli/Berbahaya	488	745	848
Memandu Chuai	—	—	—
Memandu waktu mabok oleh Minuman Keras/Benda Memabokkan	—	3	3
Jalan-Laju	1836	2670	2338
Lain2 kesalahan undang2 R.T.E. 1954	1154	1842	1432
Kesalahan2 undang2 R.T.R. 1955	663	1360	1835
JUMLAH	3558	6636	7070

Kesalahan2 Memandu (Tindakan di-selesaikan Polis).

Fasal 8 RTE 1954 Lesen Memandu tidak betul	88	56	57
Fasal 16 RTE 1954 Tidak mempunyai Lesen Memandu	17	37	71
Fasal 18 RTE 1954 Kesalahan Lesen Sementara Memandu dalam masa 5 hari	2	8	20
Fasal 32 RTE 1954 Kewajipan berhenti dalam kejadian kemalangan	1	—	1
Fasal 37 RTE 1954 Tidak mengindahkan arahan2 lalu lintas (Tidak berhenti/ menurut lampu2 isyarat lalu lintas)	630	822	610
Fasal 27 RTR 1955 Muatan yang sayugia di-ikat	—	37	51
Fasal 29 RTR 1955 Muatan2 yang menjulor	7	59	47
Fasal 30 RTR 1955 Pengesat2 kacha depan, brake, Steering hendak-lah baik terjaga	1	1	3
Fasal 31 RTR 1955 Tayar2 tidak baik atau botak	5	—	1
Fasal 36 RTR 1955 Tindakan yang sayugia di-ambil apabila kereta di-tinggalkan dengan tidak ada orang menjaga	31	3	43
Fasal 49 RTR 1955 Kesalahan2 nombor pendaftaran	12	—	1
Fasal 75 RTR 1955 Tidak menunjukkan lesen chukai jalan yang belum mati	12	43	21
Fasal 101 RTR 1955 Tidak menunjukkan tanda "L"	15	11	19
Fasal 104 RTR 1955 Tidak membuka lampu dalam-masa gelap	136	738	471
Fasal 112 RTR 112 Kereta hendaklah di-letak sebelah kiri dalam-masa gelap	5	5	1
Fasal 149 RTR 1955 Kesalahan2 meletakkan kereta	170	322	373
Fasal 161 RTR 1955 Had muatan di-lebehi	—	—	57
Fasal 134 RTR 1955 Meletakkan kereta di-sebelah garisan puteh yang satu-dua	—	—	52
Fasal 152 RTR 1955 Membawa lebih dari satu orang atas basikal	—	81	52

BARANG2 MUZIUM BRUNEI...16



Nama: Kitil Kapsiu.

Penerangan: Kitil kapsiu digunakan untuk memasak ayer. Satu keanehan bagi kitil kapsiu ini ia-lah sa-bagai tanda apabila ayer telah mendideh, iakan berbunyi panjang yang keluar dari munchong-nya. Penggunaan kitil ini telah digantikan dengan kitil2 yang lebih mudah dan ringan pada masa ini.

Di-badan kitil ini terdapat huruf 1229 (Hijrah) bersamaan dengan tahun 1812 Masehi ia-itu tarikh kitil ini di-buat.

Kitil ini di-beli di-Daerah Brunei dalam tahun 1965.

Sukatan: Lebar badan 6 1/2".
Tinggi 6".

Johan bola

keranjang

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Hock Thai telah munchul sa-bagai johan dalam bahagian lelaki apabila ia-nya menang dalam pertandingan bola keranjang perengkat akhir yang di-anjorkan oleh Persatuan Bola Keranjang Negeri Brunei sempena perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24.

Sekolah Menengah Chung Hwa telah menjadi johan dalam bahagian perempuan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penyusun Latehan Jasmani Awang Haji Abdj Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Sa-banyak sembilan belas pasokan yang mewakili persatuan2 belia, sekolah, sharikat2 perniagaan dan lain2 di-Daerah Brunei Muara telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Sementara itu satu perlawanan bola keranjang sa-chara persahabatan antara pasukan Hock Thai dan ahli2 Persatuan Belia Limbang yang melawat negeri ini telah diadakan di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada 2 Ogos lepas.

22 pasokan sertai perlawanan tarek tali

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan tarek tali anjoran Jawatankuasa Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun dan di-kelolakan oleh Persatuan Angkatan Tunas Harapan—PATUH akan di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Juma'at 7 Ogos mulai 2.30 petang.

Sa-banyak 22 buah pasokan yang mewakili jabatan2 kerajaan, persatuan2 belia, kampung dan sharikat2 perniagaan di-Daerah Brunei Muara akan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Ketetapan perlawanan ada-lah seperti berikut:

Jabatan Talikom akan melawan Jabatan Kerja Raja Bahagian Perabot, Jabatan Letrik akan melawan Jabatan Pulis 'A', Jabatan Hal Ehwal Ugama akan melawan Jabatan Askar Melayu Di-Raja, Jabatan Pertanian Bahagian Kelinik Haiwan akan melawan Jabatan Pos, Jabatan Penjara akan melawan Jabatan Pulis 'B' dan Jabatan Pelajaran (SMM, SMJA) akan melawan Jabatan Perubatan.

Persatuan Belia Bersatu akan berlawan dengan Persatuan KEMUKA, Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi - Kampung Sultan Lama akan berlawan dengan Persatuan Lurong Sekuna.

Sharikat Moto Sangkut akan berlawan dengan Sharikat Penjual dan Nelayan, Sharikat Perchetakan Bintang menanti.

Kampung Burong Pingai akan berlawan dengan Kampung Si-Raja Muda, dan Kampung Pekan Lama akan menanti.

12 orang pemain di-pilih

BANDAR BRUNEI. — Dua belas orang pemain telah di-pilih oleh Persatuan Bola Keranjang Amateur Negeri Brunei untuk mewakili negeri ini ka-Pesta Sukan Singapura tahun 1970 yang akan berlangsung mulai 14 Ogos ini.

Jawatan-Jawatan Kosong

Di-Jabatan Penerbangan Awam

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

(a) Penyelenggara Setor Tingkat II (1 kosong)

Kelayakan2:

Pemohon2 untuk lantikan ini mesti-lah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau yang bersamaan. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D-2 EB-3 — \$270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) Tradesman Tingkat I (1 kosong)

Kelayakan2:

a) Chalun2 mesti-lah telah mendapat latehan di-sekolah Pertukangan B.S.P. serta diikuti dengan mempunyai pengalaman kerja2 praktik selama sekurang2-nya 3 tahun; atau

b) bekas fitter B.S.P. yang telah berkhidmat dalam tingkatan 9 sama ada di-bahagian Automotive atau pun Jentera Mekanik; atau

c) mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam kerja2 Mekanik di-sa-buah workshop yang terkemuka.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E-1-2 EB-3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330. Gaji permulaan

laan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan sa-

tu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Ogos, 1970.

Sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap dan yang telah berkhidmat sekurang2-nya selama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan untuk di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkat Khas I.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan pemohonan2 mereka kepada Setia Usaha Kerajaan melalui Ketua2 Jaba-

tan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat daripada 22 Ogos, 1970.

Ketua2 Jabatan semasa menghantarkan pemohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untuk di-naikkan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

Sa-bagai Pemereksa Kira2

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pemereksa Kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris dan mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik dalam ilmu hisab. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman atau yang telah mempelajari dalam bidang odit atau jurukira.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$230 x 10 — 270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 420/EB/440 x 20 —

620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 yang bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Ogos, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Bekalan letrik ka-Batu 18

TUTONG.—Bekalan kuasa letrik akan di-perluaskan ka-kampung di-sepanjang Jalan Brunei-Tutong, antara batu 18 dan pusat pertanian Sharikat Minyak Shell di-Senaut di-Daerah Tutong, apabila kerja2 memasang tiang2 letrik dan kawat di atas di-kawasan itu siap.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata, kerja2 di-sepanjang 3 batu jarak-nya itu sedang berjalan

lanchar. Kira2 sa-jauh satu batu antara batu 18 dan 19 sudah pun siap setakat ini. Apabila semua bahagian itu siap, rumah2 di-sepanjang jalan itu akan mendapat bekalan letrik.

Sementara itu Jabatan Letrik sudah pun menyiapkan kerja2 memasang kebal bawah tanah di-sepanjang jalan satu batu sa-tengah, dari Jalan Tutong-Simpang Jalan Penanjong ka-Kampung Penanjong.



Awang Abdul Aziz bin Muhammad (kiri) dan Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu telah balek ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah menamatkan kursus mengenai pentadbiran awam di-Maktab Teknik Devon, Torquay, England selama sa-tahun.



Awang Aziz ia-lah bekas penolong pegawai Daerah Temburong dan sa-belum berlepas ka-England beliau telah bertugas sa-bagai pegawai pentadbir di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Pengiran Omar ia-lah bekas penolong pegawai Daerah Tutong.

Pertunjukkan tattoo di-London

DUa buah gambar di-sebelah kiri menunjukkan pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pancharagam-nya yang turut mengambil bahagian dalam pertunjukkan tattoo yang berlangsung di-Earls Court London telah mengadakan pertunjukkan yang menarik penuntun2.

AMDB menghantar rombongan yang mengandungi saramai 135 orang termasuk pancharagam-nya dan telah menunjukkan permainan yang membayangkan suasana ke-Bruneian sapenoh-nya. Mereka telah menggunakan sa-bahagian daripada alat2 kebesaran diraja seperti Payong Dadu, Payong Kawan, Tombak, dan Sinipit serta memakai pakaian2 Melayu Brunei sambil berkayoh di-atas sa-buah kenaikan yang di-reka khas. Dalam kenaikan itu duduk sa-orang pegawai yang berlagak sa-bagai raja dengan di-kelilingi oleh alat2 kebesaran di-raja itu. Dalam bahagian itu betapa ta'at setia-nya raayat Brunei terhadap raja mereka. Di-sepanjang pertunjukkan itu, lukisan Kampong Ayer telah dijadikan sa-bagai latar belakang utama yang menambah lagi suasana ke-Bruneian itu.



Ka-sukan kejohanan M'sia

BANDAR BRUNEI.—Lapan orang ahli sukan Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Isnin lepas untuk me-

nyertai Sukan Kejohanan Malaysia yang bermula hari ini di-Ipoh, Perak.

Mereka ia-lah A. Sibidol, Onn Timbang, Lim Soon Hock, Boniface Yeo, Rani Metassan, Rahim Yusof, Sanah Tamit dan Loo Kuan Fung.

Rombongan ahli2 sukan itu di-ketuai oleh Awang Haji Abdi Manaf, Timbalan Pengerusi dan Setia Usaha Persatuan Sukan Amateur Negeri Brunei.

Mereka juga akan menyertai Sukan Kejohanan Singapura yang akan di-adakan dari 15 hingga 17 Ogos ini.

Gambar kiri menunjukkan rombongan ahli2 sukan Brunei itu bergambar di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum berlepas ka-Singapura dalam perjalanan mereka ka-Ipoh.



Tambahan STPRI di-gunakan tidak lama lagi

BANDAR BRUNEI.—Sekolah Tinggi Perempuan Raja Is-teri di-Bandar Brunei mempunyai 12 buah bilek darjah tambahan berikutan dengan siap-nya bangunan empat tingkat yang di-bena berhampiran dengan sekolah tersebut.

Bangunan itu ia-lah sa-bahagian dari kompleks tambahan yang bertujuan untuk menampung bilangan murid2 yang semakin bertambah pada tiap2 tahun.

Tawaran bagi melengkapkan darjah2 tambahan itu dengan perabot telah pun di-keluarkan.

Murid2 yang sekarang belajar di-bangunan sementara akan pindah ka-bangunan baru itu sa-baik2 sahaja darjah2 itu di-lengkapkan dengan perabot2 yang di-kehendaki.

PERPUSTAKA BERGERAK

(DARI MUKA 1)

yang paling kecil dan terpendil di-negeri ini.

Beliau menyeru orang ramai supaya menggunakan perkhidmatan yang di-sediakan oleh Perpustakaan Bergerak itu, dan menyeru mereka menjadi ahli dengan mengisikan kad permohonan yang boleh di-dapati dari pegawai penjaga Perpustakaan Bergerak itu.

Beliau berkata, perkhidmatan Perpustakaan Bergerak akan di-perluaskan ka-lain2 kampong di-seluruh negeri, tidak berapa lama lagi.